

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

19. Apakah kesan pertukaran Kerajaan Pusat kepada struktur dan pentadbiran MPKK yang sedang berkhidmat di Pulau Pinang?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Objektif utama penubuhan MPKK adalah sebagai Jentera Kerajaan di peringkat akar umbi bagi membantu menyampaikan perkhidmatan kerajaan termasuk maklumat dasar-dasar kerajaan dan program serta skim bantuan kepada rakyat.

Selain itu MPKK juga akan menyampaikan segala keluhan dan permasalahan rakyat kepada Kerajaan. Sehubungan itu fungsi MPKK perlulah dilaksanakan sepanjang masa.

Setelah berlaku perubahan kerajaan di peringkat persekutuan, Kerajaan Negeri telah diarah untuk menanggungkan segala urusan MPKK termasuk bayaran elaun-elaun yang menggunakan peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telahpun membuat keputusan untuk meneruskan bayaran elaun-elaun berkaitan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.